

Anwar serah afidavit dalam usaha memanggil PM

UM 10 MAR 2000

KUALA LUMPUR 9 Mac

—Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini memfailkan dan menyerahkan afidavit kepada Mahkamah Tinggi di sini yang mengandungi fakta relevan bagi alasan untuk memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sebagai saksi pada perbicaraan kes liwat yang dihadapinya.

Anwar dengan ditemani oleh seorang peguam belanva, Zulkifli Noordin, menykrahkan dokumen setebal 10 muka surat kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Rozilah Salleh selepas menghadiri prosiding kes rayuannya di Mahkamah Rayuan hari ini.

Ketika dihubungi pemberita, Rozilah mengesahkan bahawa beliau menerima afidavit Anwar kira-kira pukul 3.15 petang ini.

Sebutan bagi perbicaraan kes liwat Anwar bersama adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja ditetapkan pada Isnin ini.

Kes itu ditangguhkan bagi membolehkan Anwar mengemukakan rayuannya untuk mengetepikan h.k -man penjara enam tahun setelah didapati bersalah atas empat tuduhan rasuah menyalah guna kuasa.

Rayuan itu selesai hari ini yang didengar selama sembilan hari. Mahkamah Rayuan menangguhkan keputusan pada satu tarikh ditetapkan kelak.

Perbicaraan di Mahkamah Tinggi itu pada peringkat Anwar dan Sukma membuat pembelaan atas tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar yang pernah menjadi pemandu peribadi isteri Anwar, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Sukma juga menghadapi tuduhan bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan. Kejadian itu didakwa berlaku pada satu malam, di antara Januari hingga Mac 1993, pukul 7.45, di apartmen Sukma, No. 10-7-2, Jalan Medang Tan-duk, Bangsar di sini.